

GAMBARAN TAHAP-TAHAP PENDIDIKAN SEKS BAGI ANAK-ANAK ISLAM

© Muhammad Haniff Hassan

Islam menetapkan bahawa tanggungjawab utama untuk mendidik anak-anak terletak di atas bahu ibu bapa. Ini meliputi juga tanggungjawab pendidikan seks kepada anak-anak. Sikap ibu bapa yang menjauhi persoalan ini dari anak-anak sehingga menyebabkan berlaku penyelewengan seks oleh anak-anak mereka boleh dikira sebagai pengabaian terhadap tanggungjawab dalam mendidik anak-anak. Ini pastinya akan menjadi pertanggungjawaban di hadapan Allah taala.

Untuk memainkan peranan yang baik, ibu bapa perlulah memahami falsafah dan objektif Islam dalam pendidikan seks, kaedah yang perlu digunakan, tahap-tahap yang perlu dilalui dan dilakukan dengan penuh adab.

Walau pun demikian, Islam juga tidak menghalang penglibatan institusi sekolah dalam persoalan pendidikan seks kepada anak-anak sebagai melengkapi peranan ibu bapa.

Malangnya hari ini, tidak terdapat bahan yang memadai dan komprehensif yang dapat dijadikan rujukan dan panduan bagi ibu bapa dan para pendidik Muslim menjalankan programa pendidikan Islam. Ramai yang masih bergantung pada bahan-bahan yang dibangunkan oleh orang lain sedangkan pada hakikatnya terdapat perbezaan antara objektif, kaedah dan adab-adab dalam persoalan pendidikan seks antara Islam dan konsep pendidikan seks kontemporari.

Usaha menangani masalah seks remaja yang genting hari ini tidak seharusnya tertumpu pada remaja hari ini tetapi juga haruslah menjurus kepada calon-calon remaja di hari muka atau pun kanak-kanak hari ini.

Atas dasar itu, program pendidikan seks oleh ibu bapa dan para pendidik haruslah bersifat menyeluruh yang meliputi pelbagai kumpulan sasaran dan bertahapan.

Sebagai sumbangan ke arah ini, saya kemukakan lakaran program sebagai gambaran umum bagaimana pendidikan seks Islam dapat dijayakan oleh ibu bapa. Gambaran ini hanyalah satu pandangan peribadi penulis. Ia bukanlah bersifat komprehensif dan menyeluruh dan bukan hasil dari kajian yang mendalam. Ia dikemukakan hanya gambaran bagi membantu ibu bapa. Di samping ini, diharapkan gambaran ini akan mencetus usaha untuk melahirkan satu kurikulum pendidikan seks yang menyeluruh yang sejahtera dengan ajaran Islam sebagai alternatif kepada yang dipopularkan oleh Barat.

Saya membahagikan pendidikan seks kepada tahap-tahap; bayi dan usia awal kanak-kanak, pra mumaiyiz hingga ke mumaiyiz, pra baligh, pos baligh, pra nikah dan pos nikah. Bagi setiap tahap ini saya mencadangkan objektif pendidikan yang dapat dicapai dan kandungan program yang boleh dilaksanakan.

Tahap Bayi & Usia Awal Kanak-kanak

Tahap ini bermula seawal mungkin mengikut perkembangan seorang anak sehingga ia mencapai tahap umur pra mumaiyiz. Dari segi usia ialah dari 0 hingga 3 tahun.

Objektif pendidikan pada masa ini ialah untuk mendidik si anak mengenali tubuh sendiri dan menanam rasa malu. Dalam hal ini, apa yang ibu bapa boleh lakukan ialah untuk mengenalkan si anak anggota tubuhnya yang meliputi kemaluannya, menanam rasa malu dari mendedahkan alat sulit dan melihat alat sulit orang lain dan akhir sekali membiasakan anak-anak dengan pakaian yang sopan bagi menanam asas kefahaman terhadap aurat.

Tahap Pra Mumaiyiz hingga Mumaiyiz (4-7 Tahun)

Pada tahap ini, kanak-kanak biasanya sudah didedahkan dengan program Nurseri yang membantu kognitif mereka. Umur 7 tahun dipilih kerana umumnya ia adalah umur Mumaiyiz di sisi para ulama. Hal ini tidak menolak kemungkinan anak-anak mencapai tahap Mumaiyiz sebelum umur 7 tahun.

Objektif yang boleh dicapai di tahap ini ialah membantu kanak-kanak untuk mengenali fungsi tubuh, memahami beberapa perbezaan antara anak lelaki dan perempuan, mengukuhkan rasa malu dan menyiapkan kanak-kanak bagi umur mumaiyiz dan implikasinya kepada mereka dari segi agama, biologi, psikologi dan sosial.

Berikut adalah perkara-perkara yang boleh dilakukan di tahap ini:

1. Mengajar untuk mengenali perbezaan fizikal di antara anak-anak lelaki dan perempuan di tahap umur ini.
2. Membiasakan diri dengan batas-batas pergaulan dan hijab dalam dengan ahli keluarga lelaki dan perempuan dan antara kawan-kawan lelaki dan perempuan sesuai dengan tahap umur mereka dan kaitannya dengan isu seks.
3. Di peringkat umur 6 tahun anak-anak dilatih untuk membiasakan diri tidur berasingan dan sebab di sebaliknya kerana pada umur 7 tahun Islam memerintahkan pemisahan tempat tidur antara anak-anak.
4. Membiasakan anak agar tidur berasingan dari tempat tidur ibu bapa dan sebab di sebaliknya.
5. Mengajar anak-anak agar meminta izin sebelum masuk bilik ibu bapa pada waktuwaktu yang dianjurkan oleh Islam dan sebab di sebaliknya.
6. Melatih anak-anak agar tidak mandi bersama khususnya antara anak lelaki dan perempuan.
7. Membimbing anak-anak memahami topik-topik berkaitan seks melalui didikan istinja' dan toharah yang betul.
8. Membina kefahaman mengenai mumaiyiz dan implikasinya.

Tahap Pra Baligh (8 – 12 tahun)

Objektif pendidikan seks di tahap ini ialah untuk membina persiapan bagi umur baligh, memahami perubahan fizikal apabila memasuki umur baligh, memahami keperluan hijab

(pakaian dan pergaulan) dan tujuannya dan menanam rasa jijik terhadap segala yang berbentuk lucah dalam Islam.

Perkara yang boleh dilakukan di tahap ini ialah:

1. Mengukuhkan amalan hijab (samada hijab pakaian atau pergaulan) dalam keluarga dan bersama kawan-kawan. Pada umur 10 tahun ke atas, anak-anak haruslah telah terbiasa untuk memelihara hijab antara lelaki dan wanita yang bukan mahram kerana umurnya yang telah hampir dengan umur baligh. Dalam menunaikan didikan ini, perlulah dikaitkan dengan isu-isu seksual yang sesuai.
2. Memahami konsep mahram sejajar dengan objektif pendidikan seks.
3. Pada umur ini anak-anak sudah harus diberikan kemampuan untuk mempraktikkan toharah dan istinja' yang betul.
4. Pada umur 10 – 12 tahun, anak-anak harus sudah mampu memahami secara umum erti mimpi, mani, haidh dan fenomena seks yang dinyatakan dalam Fiqh Toharah dan Ibadat ini kerana pada umur 10 tahun seorang kanak-kanak sudah di'mestikan' untuk bersolat. Untuk itu ia perlu memahami Fiqh Toharah dan Ibadat yang betul bagi memastikan solatnya benar. Oleh kerana pada umur 12 tahun seorang anak biasanya mencapai baligh, maka perlulah mereka dididik mengenai baligh dan tanda-tandanya sebelum memasuki umur baligh yang sebenar. Hal ini perlulah dikaitkan dengan isu-isu seksual.
5. Memahamkan anak-anak apa yang dimaksudkan lucah dalam Islam dan kenapa ia dilarang.

Tahap Pos Baligh (13 – 15 tahun)

Objektif yang boleh dicapai ditahap ialah mendidik anak-anak yang telah meningkat ke alam remaja untuk mempraktik dan memenuhi sepenuhnya tuntutan hijab (pakaian dan pergaulan) baik dalam keluarga atau di luar rumah, memastikan anak-anak mempunyai kekuatan bagi menjauhi zina dan amalan seks luar tabi'i, memahamkan mereka akan perubahan emosional (cinta, kasih, rasa tertarik kepada kawan lelaki/ perempuan) dan membina keupayaan mengurus segala perubahan itu sejajar dengan ajaran Islam.

Ibu bapa boleh melakukan perkara-perkara berikut bagi mencapai objektif yang dikehendaki:

1. Melakukan aktiviti yang mengukuhi aktiviti di tahap yang lalu.
2. Memahamkan anak-anak mengenai zina dan amalan seks luar tabi'i dalam Islam dan hikmah disebalik larangan terhadapnya.
3. Memahamkan sebab-sebab timbul rasa cinta, kasih dan tertarik kepada yang lain dari segi fisiologi dan psikologi.
4. Membimbing anak-anak untuk mengurus psikologi remaja dan dorongan seks yang semakin meningkat di tahap ini.

6. Membiasakan anak-anak dengan puasa sunat (selain ibadah-ibadah lain) sebagai asas daya tahan mengawal dorongan seks setelah memasuki umur baligh sejajar dengan anjuran Rasulullah s.a.w.

Tahap Pra Nikah (15 – 25 tahun)

Di tahap ini anak-anak telah mencapai tahap umur belia dan dewasa. Walaupun umumnya, pada umur lanjut di tahap ini seorang anak sepaatutnya menunjukkan berdikari yang tinggi dan tidak bergantung pada ibu bapa dalam soal pembinaan dirinya tetapi itu sama sekali tidak melepaskan ibu bapa dari beban tanggungjawab untuk mendidik anaknya yang telah dewasa ini. Oleh itu, menjadi kebijaksanan ibu bapa untuk mencari kaedah yang sesuai dengan tahap umur anak dan tidak membuat andaian bahawa anaknya yang dewasa tahu akan kewajibannya atau berlepas tangan mengenai pendidikan mereka.

Di tahap ini, apa yang hendak dicapai ialah untuk membantu para remaja memahami seks dalam rangka kehidupan keluarga dan menanam rasa keperluan tinggi untuk menguasai kemahiran pendidikan seks bagi anak-anak mereka pula.

Dalah hal ini, apa yang boleh dilakukan ialah membimbing anak-anak memahami Fiqh Munakahat sepenuhnya sebagai asas membina kehidupan berkeluarga dan mendalami ilmu pendidikan anak-anak yang sesuai dengan Islam.

Wasilah: Belajar Seks Melalui Fiqh

Isu-isu seks dalam pendidikan seks moden juga banyak disentuh melalui pembelajaran Fiqh Toharah. Jika kita mempelajari Fiqh Toharah, kita akan dapati di sana terdapat persoalan mani, mazi, haidh, nifas, istihadah, junub, mandi hadats besar, bersentuh lelaki dan perempuan, jima', aurat dan lain-lain. Di sini isu-isu seks dikaitkan dengan ibadat sehari-hari seseorang.

Isu-isu ini juga dibincangkan dalam adab-adab pergaulan seperti perintah memisahkan tempat tidur anak-anak, menundukkan pandangan, hijab lelaki dan perempuan dan meminta izin, khalwat sebelum memasuki bilik ibu bapa.

Persoalan seks yang lebih serius seperti perhubungan seks lelaki dan perempuan hanya dibicarakan dalam Fiqh Munakahat iaitu hukum perkahwinan dan kekeluargaan dalam Islam. Jika kita lihat susunan buku Fiqh kita akan dapati bahawa Fiqh Munakahat hanya dibincangkan setelah seseorang itu mempelajari Fiqh Toharah dan Fiqh Ibadat. Di sini pula, isu-isu seks dibicarakan sebagai satu proses pembinaan keluarga dan generasi akan datang.

Ini memberi pengajaran kepada kita bahawa ilmu Fiqh adalah wasilah yang baik bagi menerapkan pembelajaran dan pendidikan seks. Ia bukan hanya dilakukan secara bersepada tetapi dikaitkan dengan nilai-nilai murni dan sesuatu yang lebih penting. Penyusunan Fiqh yang sedemikian rupa pula membantu untuk mentahapkan

pembelajaran isu-isu berkaitan seks kepada anak-anak mengikut umur dan kematangan ilmu agamanya.

Ini tertakluk sekiranya ibu bapa memainkan peranan dalam memberi bimbingan agama secara sistematik kepada anaknya sejak kecil samada melalui usaha sendiri atau melalui pembelajaran di madrasah-madrasah. Ini juga tertakluk kepada kemampuan asatizah yang mengajar Fiqh di madrasah-madrasah untuk menyepadan objektif pendidikan seks tercapai melalui pembelajaran Fiqh. Ertinya apabila membicara persoalan tanda-tanda baligh, ia bukan hanya dibincangkan dalam konteks halal dan haram, apa yang boleh dan apa yang tidak boleh tetapi juga membincangkannya dari segi biologi, sosiologi dan lain-lain.

Muhammad Haniff Hassan. Penulis adalah Ahli Majlis Tertinggi Pergas.